

# SIARAN MEDIA

17 Jun 2014

## UNTUK SIARAN SEGERA

### CYBERSECURITY MALAYSIA LANCAR OUTLET PERTAMA MYCYBERSECURITY CLINIC (MyCSC) SERTA PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN MyCSC

*Inisiatif terkini CyberSecurity Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber kepada Komuniti Digital Malaysia*

**(SERI KEMBANGAN, 17 Jun 2014)** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber Nasional dan agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan Outlet MyCyberSecurity Clinic (MyCSC) dan Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bertempat di Seri Kembangan, lokasi pertama Outlet MyCyberSecurity Clinic (MyCSC).

MyCyberSecurity Clinic (MyCSC) merupakan inisiatif CyberSecurity Malaysia yang dibangunkan bertujuan menyediakan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber seperti perkhidmatan forensik digital yang terdiri dari pemulihan data, baik pulih cakera keras (*hard disk*), data sanitasi dan juga khidmat nasihat mengenai isu yang berkaitan keselamatan siber dan Internet.

Menurut YB Dr. Datuk Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, MyCyberSecurity Clinic merupakan ‘*touch-point*’ kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran berkaitan keselamatan siber. Ia juga merupakan platform bagi membantu rakyat, khususnya para pengguna Internet mendapatkan perkhidmatan bantuan kecemasan siber dan menyalurkan laporan insiden serta ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia.

Pada majlis yang sama, Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC turut dilancarkan oleh YB Menteri. Ia merupakan satu program perkembangan rangkaian Outlet MyCyberSecurity Clinic berdasarkan konsep Sistem Licensing. Projek perintis Outlet berkenaan telah dibangunkan di Ibu Pejabat CyberSecurity Malaysia di Seri Kembangan. Menurut YB Datuk Dr. Ewon Ebin, program ini dijangka dapat melahirkan lebih ramai usahawan baharu dalam bidang Sains dan Teknologi, khususnya dalam sektor ICT, di samping membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai rakyat Malaysia di seluruh pelusuk Negara.



Securing Our Cyberspace



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)  
  
  
STANDARDS  
AUSTRALIA  
AS/NZS ISO/IEC 17025  
TESTING  
SAMM NO. 458  
(Welding Laboratories)



T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Sementara itu, dalam ucapan aluan Pengurus Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohd Azumi Mohamed (Bersara) berkata, perkhidmatan yang disediakan melalui Outlet MyCyberSecurity Clinic dapat memberi banyak faedah serta mampu menyelesaikan masalah kehilangan data dan memulihkan kembali maklumat yang hilang atau padam dari peranti serta gajet ICT pengguna. Manakala, Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC pula dilihat sebagai satu proses perpindahan kepakaran teknologi yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang terlibat secara langsung dalam program tersebut.

Selain Outlet MyCyberSecurity Malaysia Clinic di Seri Kembangan, CyberSecurity Malaysia juga menyediakan perkhidmatan yang sama di cawangan pejabat yang berlokasi di Ipoh, Perak.

~ Tamat ~

---

### **Mengenai CyberSecurity Malaysia**

CyberSecurity Malaysia adalah pusat pakar keselamatan siber Nasional di bawah kawal selia Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab memantau aspek e-Keselamatan Nasional serta mengenal pasti secara berterusan bidang-bidang yang boleh membahayakan keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat, di samping memberi latihan dan bantuan teknikal dalam pengurusan krisis siber Negara.

Laman sesawang: [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Facebook: [www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia)

Twitter: [www.twitter.com/cybersecuritymy](https://www.twitter.com/cybersecuritymy)

---

Untuk pertanyaan lanjut mengenai dokumen ini, sila hubungi +603-8992 6888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978), email [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my) / Sandra Isnaji (ext: 6977), email [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945), email [zul.akmal@cybersecurity.my](mailto:zul.akmal@cybersecurity.my)

*For further enquiries about this document, please feel free to call 603-8992 6888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978), email [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my) / Sandra Isnaji (ext: 6977), email [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945), email [zul.akmal@cybersecurity.my](mailto:zul.akmal@cybersecurity.my)*